



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

SIARAN MEDIA

SIMPOSIUM MAKLUMAT GEOSPATIAL KEBANGSAAN (NGIS) KALI KE-9 INOVASI PENGURUSAN MAKLUMAT GEOSPATIAL

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui Pusat Geospasial Negara (PGN) dengan kerjasama Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) menganjurkan Simposium Maklumat Geospasial Kebangsaan (NGIS) ke-9. Majlis perasmian disempurnakan oleh YB Dato' Sri Huang Tiong Sii, Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), hari ini.

Penganjuran NGIS ke-9 memberi impak positif kepada Program MyGDI yang diterajui oleh PGN serta dapat merealisasikan kecemerlangan pengurusan maklumat geospasial dalam pelbagai sektor di negara ini.

Dengan tema "Revolusi Geospasial Dalam Cabaran Digital", tema ini selari dengan perkembangan era digital masa kini yang sangat progresif bagi membantu kerajaan dan rakyat dalam urusan harian serta memberi impak positif kepada pembangunan ekonomi.

Perkembangan pesat era digital mewujudkan pelbagai cabaran baru termasuk bidang geospasial yang turut terkait dengan teknologi digital. Melalui simposium ini, ia dapat mencetus inovasi geospasial dengan perkongsian pengalaman serta kepakaran dalam kalangan komuniti geospasial Malaysia untuk menangani isu-isu semasa yang dihadapi dari dalam dan luar negara.

Simposium ini melibatkan pembentangan 18 kertas kerja daripada sektor kerajaan dan swasta di bawah empat (4) sub tema iaitu "Geospasial Untuk Faedah Sosioekonomi", "Geospasial Untuk Pengurusan Perubahan Iklim", "Geospasial Dalam Pertahanan Dan Keselamatan" dan "Geospasial Untuk Kawalan Risiko Bencana". Sebanyak 24 pameran daripada agensi kerajaan dan swasta turut diadakan pada simposium kali ini.

NGIS telah diadakan sejak tahun 2004, mengekalkan kesinambungan penganjuran simposium ini selama sembilan (9) kali merentasi tempoh masa 19 tahun. Menerusi Simposium ini, diharap dapat mengoptimumkan penggunaan maklumat geospasial

secara lebih inovatif, efektif dan produktif oleh pihak Kerajaan dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat serta mengatasi cabaran digital yang sedang dihadapi oleh komuniti geospatial di Malaysia.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
(NRECC)**

17 OKTOBER 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia